

03/12/1999

Pelantikan Mohd Ali disambut baik

MELAKA, Khamis - Semua pemimpin negeri menyambut baik pelantikan Datuk Mohd Ali Rustam sebagai Ketua Menteri ke-9, menggantikan Datuk Seri Abu Zahar Isnin yang mengosongkan kerusi itu kerana bertanding Parlimen Jasin dalam pilihan raya lalu.

Mereka menyifatkan pelantikan itu tepat kerana Mohd Ali berpengalaman luas di peringkat negeri serta pusat kerana pernah menjawat jawatan ahli Exco, timbalan menteri di samping menjadi pemimpin belia di peringkat kebangsaan serta antarabangsa.

Abu Zahar, yang juga Ketua Umno bahagian Jasin, berkata pelantikan Mohd Ali adalah pemilihan yang tepat dibuat oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Saya harap Mohd Ali akan meneruskan pembangunan negeri Melaka yang dirancangkan, termasuk menjadikan Melaka bandaraya pendidikan dan meningkatkan pembangunan industri serta pelancongan," katanya.

Ketua Umno bahagian Kota Melaka, Datuk Amid Nordin berkata, Mohd Ali mempunyai kebolehan untuk mentadbir negeri kerana berpengalaman luas dalam pentadbiran negeri serta pusat.

"Saya yakin Mohd Ali akan meneruskan segala usaha yang dibawa oleh Abu Zahar dengan memastikan agenda membela rakyat serta pelaksanaan pembangunan akan berjalan lancar," katanya.

Ketua Umno bahagian Selandar, Datuk Hamdin Abdollah, berkata Mohd Ali sesuai dilantik Ketua Menteri kerana terbukti sebagai pemimpin yang dinamik.

Oleh itu, katanya, semua kena bergerak pantas serta melakukan banyak kerja sebagaimana Mohd Ali supaya dapat bersama-sama memajukan Melaka.

Abu Seman, Ketua Umno bahagian Alor Gajah, Datuk Abu Seman Yusop, berkata Mohd Ali tiada masalah untuk meneruskan kepemimpinan kerajaan negeri kerana mempunyai pendedahan serta pengalaman sebagai ahli Exco serta timbalan menteri.

"Saya yakin Mohd Ali boleh terus melaksanakan pembangunan bagi memajukan negeri ini untuk kepentingan seluruh rakyat," katanya.

Pengerusi MCA negeri, Datuk Wira Gan Boon Leong, berkata parti itu menyokong penuh perlantikan Mohd Ali yang memang sesuai untuk menerajui kepemimpinan negeri.

Pengerusi MIC negeri, Datuk R Raghavan, berkat Mohd Ali bukan saja boleh melaksanakan lebih banyak pembangunan tetapi akan dapat menarik semula undi BN yang lari ke parti pembangkang dalam pilihan raya lalu.

"Saya percaya Mohd Ali akan dapat memberi perhatian sewajarnya mengenai kemerosotan undi yang diperolehi BN bagi memperbaiki prestasi pada masa depan," katanya.

Ketua Wanita Umno Negeri, Senator Ramlah Abas, berkata Mohd Ali sudah terbukti bukan sahaja pemimpin yang sering turun padang malah sentiasa prihantin masalah rakyat dengan akan segera menghulurkan bantuan.

"Mohd Ali yang sentiasa kerja keras sehingga sanggup mengharung air untuk melawat kawasan banjir, akan menambahkan lagi keyakinan rakyat untuk menerimanya sebagai Ketua Menteri yang baru," katanya.

Ketua Pemuda Negeri, Nazari Adzim, berkata sebagai pemimpin yang pernah menerajui belia dan pemuda, Mohd Ali memang layak untuk menjawat jawatan Ketua Menteri.

(END)